

# Kesepaduan Sosial dalam Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah: Kesediaan Guru dan Sokongan Sekolah

**BITARA**Volume 4, Issue 1, 2021: 072-079  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Social Cohesion in The Teaching of History Subjects: Teacher's Readiness and School Support]

Siti Aisyah Mat Saad<sup>1</sup> & Musirin Mosin<sup>1</sup>

### Abstrak

Kesepaduan sosial merupakan suatu fenomena sosial yang berlaku dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Kesepaduan sosial berlaku dan telah diterapkan dalam pendidikan di Malaysia pada hari ini melalui falsafah pendidikan negara, penerapan nilai murni, dan dasar-dasar kerajaan yang terangkum dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kesepaduan sosial juga telah termaktub dalam objektif DSKP mata pelajaran Sejarah yang telah digunakan oleh guru-guru sejarah pada hari ini melalui KSSR dan KSSM. Kajian ini akan menjelaskan tentang kesepaduan sosial dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah dan melihat kesediaan guru serta sokongan sekolah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan menggunakan reka bentuk kajian kes. Pengkaji menggunakan temu bual mendalam bagi pengumpulan data kajian ini. Hasil dapatan kajian ini mendapatkan bahawa kesediaan guru terhadap kesepaduan sosial dalam mata pelajaran Sejarah adalah di tahap sederhana melalui pengetahuan yang sedikit tentang penerapan kesepaduan sosial secara tidak langsung dan secara langsung. Sokongan sekolah terhadap kesepaduan sosial juga dapat dilihat melalui penganjuran program, kerja kursus yang disediakan untuk pelajar dan pelbagai lagi aktiviti yang dirancang bagi mengeratkan silaturrahim antara warga sekolah serta komuniti setempat. Namun begitu, hasil kajian ini mendapatkan bahawa program dan aktiviti yang dijalankan adalah bermusim dan tidak berterusan serta serius dalam menekankan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar.

### Kata kunci:

Kesepaduan, Sosial, Matapelajaran Sejarah, Kesediaan Guru, Sokongan Sekolah.

### Abstract

Social cohesion is a social phenomenon that occurs in the multiracial community of Malaysia. It happens and has been incorporated in today's Malaysian education system through the national education principles, implementation of positive values as well as the government policies liner out in the Malaysian Education Development Plan (2013-2025). Social cohesion is also listed in the DSKP objective of History subjects that are used by History teachers today through KSSR and KSSM. This research will explain about social cohesion in the teaching of History as a subject and take a look at the readiness of teachers including the support from their respective schools. This research was carried out qualitatively and applied a case study approach. The interviewers used in-depth interviews for this research. The results show that the teacher's readiness for social cohesion in History as a subject is at an average level as there is a lack of knowledge on social cohesion implementation either directly or indirectly. Supports for social cohesion from the schools can be seen through event organization, course works prepared for students as well as many other planned activities that aims

<sup>1</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

#### Corresponding Author:

MUSIRIN MOSIN, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

\*E-mail: [musirin@ums.edu.my](mailto:musirin@ums.edu.my)

for bonding between the school and the local community. Nevertheless, the results from this research suggest that these programs and activities are ‘seasonal’ and are not taken seriously in the long-term in promotion social cohesion among students.

**Keywords:**

Social Cohesion, History Subjects, Teacher’s Readiness, School Support.

**Cite This Article:**

Siti Aisyah Mat Saad & Musirin Mosin. 2021. Kesepaduan sosial dalam pengajaran mata pelajaran sejarah: Kesediaan guru dan sokongan sekolah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 072-079.

## Pengenalan

Kesepaduan sosial dalam pendidikan merupakan perkara yang tidak asing lagi dalam dunia pendidikan di Malaysia. Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis kaum dan kebudayaan, khususnya di Sabah sahaja, terdapat lebih tiga puluh etnik yang mendiami negeri tersebut. Kesepaduan dari aspek istilah bermaksud telah bercampur atau keadaan yang bersepadau (Noresah Baharom, 2005). Manakala sosial pula hal yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat.

Kesepaduan sosial merupakan fenomena sosial yang merujuk kepada penyatuan antara masyarakat di Malaysia. Konsep kesepaduan sosial ini telah pun dibincangkan oleh Prof. Ulung Dr Shamsul Amri Baharuddin yang mendefinisikan situasi masyarakat di Malaysia disebut sebagai kesepaduan sosial dan bukannya perpaduan (Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Menurut beliau lagi, ungkapan perpaduan dalam kepelbagaiannya menggambarkan rakyat Malaysia hari ini agak sukar untuk dicapai memandangkan konsep perpaduan itu sendiri memerlukan “*Rasa kesatuan yang merentas pemisah fizikal dan psikologikal yang meliputi konteks metafizikal*”(Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Perpaduan dikatakan hanya angan-angan dalam kesamaan dan kesatuan yang merujuk kepada satu bangsa, satu agama dalam satu negara. Hal ini kemungkinan besar sukar untuk wujud dalam konteks Malaysia negara yang dibangunkan atas tapak kepelbagaiannya kaum dan agama.

Oleh yang demikian, keadaan masyarakat di Malaysia di sebut sebagai kesepaduan sosial yang bertunjangkan fenomena sosial yang diidamkan oleh segenap masyarakat. Kesepaduan sosial dibina melalui ikhtiar syarat-syarat perpaduan antara kaum yang telah diwujudkan sejak pembentukan Malaysia lagi. Kesepaduan sosial dapat membawa kepada keamanan, keharmonian, dan kestabilan dalam masyarakat berbilang kaum. Melalui perlembagaan Malaysia semua kaum harus menerima Bahasa Melayu dan agama Islam sebagai bahasa dan agama rasmi di Malaysia, namun hakikatnya hari ini, Bahasa Melayu seakan dipinggirkan oleh sesetengah pihak dan dikelewehkan dengan pembuktian penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan kaum bukan Melayu pada hari ini dan penggunaan bahasa pengantar sehari-hari. Prasyarat kesepaduan sosial bukan sahaja berlaku di Tanah Melayu melalui kontrak sosial masyarakat Melayu, India, dan Cina sahaja, tetapi juga masyarakat Sabah dan Sarawak ketika persetujuan pembentukan Malaysia 1969.

Perpaduan dianggap belum wujud di Malaysia secara amnya berdasarkan perpaduan yang diidamkan di Malaysia telah melalui beberapa proses iaitu perundingan, tolak ansur, persetujuan, dan bebas bersuara. Hal ini berlaku semasa proses mendapatkan kemerdekaan dan pelbagai tolak ansur yang wujud antara kaum majoriti di Malaysia iaitu Melayu, India, dan Cina. Demikian juga yang berlaku dengan masyarakat di Sabah dan Sarawak apabila bersetuju masuk dan bergabung dengan tanah Melayu membentuk Malaysia melalui perundingan, tolak ansur, dan syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi.

## Tinjauan Literatur

### Sejarah Kesepaduan Sosial di Malaysia

Kesepaduan sosial merupakan sesuatu isu yang penting sangat penting bukan sahaja di Malaysia malah telah menjadi isu sejagat yang melibatkan seluruh dunia. Pentingnya isu kesepaduan sosial ini terbukti dengan pelbagai dasar, pekeliling, dan peraturan dalam dan luar Malaysia yang menjadi garis panduan masyarakat dalam menjaga keamanan dan perpaduan kaum. UNESCO melalui “*Education For Internasional Undestanding (EIU)*” telah menegaskan bahawa pendidikan seharusnya dapat memupuk nilai dan sikap menghormati antara satu sama lain dan budaya yang aman serta demokrasi (UNESCO, 2010). Ini disokong melalui Deklarasi Johannesburg telah diadakan pada 2002 bagi menggalakkan kepelbagaian budaya dalam pendidikan (UNESCO, 2010).

Pemantauan dan pengesahan isu perpaduan dalam negara telah diambil berat oleh kerajaan bagi memberikan garis panduan untuk mencapai kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat. Misalnya, mengikut pekeliling pengurusan perpaduan negara bilangan 1 dan 2 tahun 2011, kerajaan telah menubuhkan sistem e-sepakat bagi mengesahkan isu-isu perpaduan dalam kalangan rakyat. Segala laporan melalui laman web akan dihantar ke ibu pejabat dengan pantas dan segera. Demikian hal perpaduan ini telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menyentuh tentang kepelbagaian budaya di sekolah dan memastikan penghayatan kepelbagaian budaya di sekolah ini diamalkan, dibudayakan dan diaplikasikan di sekolah (KPM, 2014).

Pelbagai cara telah dijalankan oleh kerajaan bagi memastikan kesepaduan dan perpaduan dalam kalangan masyarakat antaranya Dasar Pendidikan Kebangsaan yang merangkumi beberapa pendekatan antaranya bahasa kebangsaan, keseragaman kurikulum, keseragaman sukanan pelajaran, sekolah wawasan, dan dasar memperkasa sekolah kebangsaan. Dalam dasar bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan bahasa utama di semua sekolah bagi memastikan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Hakikatnya pekeliling dan dasar yang telah dibuat oleh kerajaan adalah bagi memastikan kesepaduan dan ini menunjukkan kesepaduan adalah aspek penting dalam sesebuah negara. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini berpunca daripada berlakunya jumlah kaum yang pelbagai dalam Malaysia dan peristiwa yang pernah berlaku sebagai sejarah hitam negara Malaysia dan diharapkan tidak berulang lagi. Misalnya peristiwa 13 Mei 1969.

Peristiwa 13 Mei 1969 berlaku semasa kempen pilihan raya 1969. Setelah parti perikatan gagal memperoleh majoriti dua pertiga di kerusi parlimen, pihak pembangkang telah mempersoalkan hak-hak orang Melayu, keistimewaan orang Melayu dan Bahasa Melayu. Peristiwa 13. Mei. 1969 telah merubah suasana politik, ekonomi, dan sosial masyarakat di Malaysia (Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin, 2011). Antara isu yang paling ketara adalah berlakunya perpecahan sosial dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina akibat berlakunya peristiwa 13 Mei 1969.

Daripada peristiwa 13. Mei.1969, kerajaan sedaya upaya cuba mengelak daripada berlakunya pergaduhan antara kaum yang akan menyebabkan kerugian kerajaan, gangguan keamanan negara, dan peristiwa pembunuhan. Pelbagai kaedah yang telah di wujudkan oleh kerajaan bagi menjaga keamanan dalam kalangan masyarakat antaranya Dasar ekonomi baru (Kassim Thukiman & Zaliza Mohd. Nasir 2008), laporan-laporan pendidikan (Laporan Razak, Barnes, dan Penyata Rahman Talib), falsafah Pendidikan Kebangsaan, akta Bahasa Kebangsaan: Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, dan Sukan Sebagai Alat Perpaduan.

## **Kesepaduan Sosial dalam Mata Pelajaran Sejarah**

Kesepaduan sosial dalam Mata Pelajaran Sejarah secara khusus dan bertulis boleh dilihat melalui objektif Dokumen standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah, elemen merentas kurikulum (EMK), dan Kemahiran Pemikiran Sejarah. Melalui DSKP Sejarah, EMK, dan Kemahiran Pemikiran Sejarah unsur-unsur nilai murni, semangat patriotisme, dan perancangan terhadap memahami peristiwa sejarah itu sendiri telah membentuk kesepaduan sosial.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes adalah reka bentuk kajian yang memberikan penerangan terperinci tentang sesuatu fenomena dan memberikan huraian yang holistik dan menyeluruh (Yin,R,K, 1994). Kajian kes adalah penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji ke atas satu unit kecil sosial secara terperinci (Majid Konting, 2005). Penekanan kajian biasanya dilakukan kepada pemahaman mengenai perubahan unit sosial tersebut yang melibatkan perubahan tingkah laku dan boleh ubah yang berkaitan. Kajian kes akan dapat menjawab perkara yang memerlukan jawapan bagaimana dan mengapa dan merupakan alat kajian yang sangat sesuai dalam memperoleh maklumat.

Pengkaji menggunakan temu bual mendalam dalam pengumpulan data kajian ini dan tiga orang peserta kajian terlibat dalam pengumpulan data kajian ini. Melalui kajian ini, pengkaji dapat melihat sendiri penglibatan guru dalam kesepaduan sosial di dalam dan juga di luar kelas. Di samping itu, pengkaji juga dapat melihat sokongan sekolah terhadap kesepaduan sosial ini melalui aktiviti-aktiviti sekolah yang diadakan dan juga kerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa Guru PIBG dan juga komuniti.

## Dapatan Kajian

### Kesediaan Guru dalam Penerapan Kesepaduan Sosial

Berdasarkan pengumpulan data yang dijalankan terhadap peserta kajian, hasil kajian ini mendapati bahawa kesediaan guru boleh dibahagikan kepada guru bersedia dan memahami kesepaduan sosial dalam pengajaran sejarah dan guru tidak bersedia dan keliru terhadap kesepaduan sosial. Kesediaan guru terhadap kesepaduan sosial boleh dilihat melalui temu bual dan pemerhatian yang dijalankan ke atas guru Sejarah yang terlibat. Kesediaan bermaksud kesanggupan atau kerelaan seseorang dalam menjalankan sesuatu yang diarahkan kepadanya (Noresah Baharom, 2005) Hasil kajian ini mendapati kesediaan guru Sejarah dalam penerapan kesepaduan sosial boleh dilihat melalui situasi secara langsung dan tidak langsung.

### Kesediaan Guru Secara Langsung

Kesediaan guru secara langsung boleh dilihat melalui kefahaman guru terhadap hasrat kerajaan dalam memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar. Guru sejarah yang menjadi peserta kajian ini faham dan sanggup menjalankan peranannya sebagai agen perpaduan dalam memastikan pelajar dapat bekerjasama dalam memupuk nilai dan modal insan: “Iaitu kebersamaan pelajar yang terdiri latar belakang yang pelbagai, budaya, keluarga dan lain-lain.” P1T1.

Peserta kajian dilihat dapat memahami maksud kesepaduan sosial iaitu kebersamaan pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Oleh yang demikian, guru sedaya upaya membuat perancangan dan memastikan pelajar dapat bekerjasama dan bersama-sama dalam menyelesaikan apa juga soalan atau aktiviti yang diberikan di dalam kelas. Guru sejarah dilihat menggunakan aktiviti PAK 21: “Dalam merancang aktiviti kolaborasi pelajar melalui perbincangan kumpulan dan aktiviti PAK 21 yang menggalakkan pelajar saling berinteraksi, bekerjasama...” P2T2.

Kesediaan guru secara langsung juga boleh dilihat melalui penerapan nilai murni di dalam kelas semasa proses pembelajaran. Dengan penerapan nilai murni kepada pelajar, maka konsep-konsep kesepaduan sosial akan dapat dibentuk. Guru Sejarah dilihat sering menggunakan strategi kolaboratif dengan menggunakan aktiviti berkumpulan secara terkawal dalam proses pembelajaran dan menerapkan nilai dalam pembelajarannya agar pelajar dapat berbaik-baik antara satu sama yang lain di samping dapat bekerjasama dalam satu kumpulan: “Melalui aktiviti berkumpulan , penerapan nilai, dan sebagainya”. P3T3.

### Kesediaan Guru Secara Tidak Langsung

Kesediaan guru secara tidak langsung terhadap kesepaduan sosial bermaksud guru tidak bersedia dalam menerapkan kesepaduan sosial secara langsung tetapi hanya secara kebetulan. Guru dilihat tidak bersedia untuk menerapkan kesepaduan sosial melalui pelbagai anggapan awal terhadap tahap perpaduan pelajar. Namun walau bagaimanapun, penulisan Rancangan Pengajaran Harian guru tersebut tetap dimasukkan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang

menyentuh kesepaduan sosial, misalnya nilai murni dan semangat patriotisme: “Saya tidak pernah melihat unsur pemisah etnik dan latar belakang ini dalam kalangan pelajar di dalam kelas. Saya percaya semua murid telah didedahkan sejak sekolah rendah..” P1T1.

Berdasarkan jawapan temu bual peserta kajian tersebut, guru mempunyai tanggapan bahawa pelajar telah didedahkan kepada kesepaduan sosial dan meremeh-temehkan peranan guru dalam menerapkan kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar. Sedangkan, kesepaduan sosial ini seharusnya diterapkan dalam kalangan pelajar biarpun dalam satu bangsa yang sama.

Guru Sejarah yang tidak mempunyai kesediaan dalam menerapkan kesepaduan sosial juga berpendapat bahawa tidak terfikir untuk menerapkan kesepaduan sosial di dalam kelas melainkan tanpa di sedari iaitu melalui mengikut sukanan pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia: “...saya tidak pernah terfikir melaksanakan kesepaduan sosial di dalam kelas. Mungkin ada tanpa saya sedari”P3T3 dan “..sehingga tidak terfikir pun perkara ini perlu saya ambil perhatian.”P3T3.

Perkara ini terjadi oleh kerana kekangan masa yang dihadapi oleh guru berkenaan atau terdapat masalah-masalah lain yang dihadapi oleh guru berkenaan antaranya bidang tugas yang terlalu banyak sehingga guru tidak ada fokus dalam pengajaran dan hanya menurut sukanan pelajaran yang dibekalkan. Guru juga tidak ada daya untuk berinisiatif dalam persiapan mengajar seperti penyediaan alat bantu mengajar yang menarik kepada pelajar.

## **Sokongan Sekolah Terhadap Kesepaduan Sosial**

Sokongan sekolah terhadap kesepaduan sosial adalah sangat menggalakkan dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh pentadbir, ketua bidang dan juga ketua unit. Tidak ketinggalan sokongan sekolah terhadap kesepaduan sosial dapat dilihat melalui aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan oleh pihak sekolah pada setiap hari Rabu. Kerjasama pihak sekolah dengan PIBG dan juga ahli komuniti juga amat menggalakkan melalui penglibatan ibu bapa melalui aktiviti kesukarelaan dan pelbagai aktiviti sekolah. “...penglibatan gotong-royong dengan PIBG, Hari raya terbuka dan *Ihya’ Ramadan.*” P1T1 dan “Pihak sekolah lebih menumpukan aktiviti sekolah secara .....sukan, persatuan, aktiviti sambutan hari raya, dan sambutan hari kemerdekaan yang melibatkan NGO dan PIBG” P1T1.

Perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan pelajar ini menunjukkan bahawa harapan pihak pentadbir dalam mencapai kesepaduan sosial ini adalah sangat serius. Misalnya dalam aktiviti kemerdekaan yang melibatkan semua staf di sekolah. pentadbir mahu setiap warga sekolah menghayati dan mengambil peduli tentang kesepaduan sosial melalui aktiviti sambutan kemerdekaan, lawatan, dan sebagainya.

Namun begitu, setelah diteliti, terdapat aktiviti kesepaduan sosial yang dijalankan di sekolah dijalankan secara bermusim dan tidak berterusan. Misalnya aktiviti bulan kemerdekaan, kerja kursus sejarah, dan lawatan hanya dijalankan semasa bulan kemerdekaan sahaja. Sekolah seharusnya mengadakan program dan aktiviti secara berterusan misalnya melalui program setiap pagi dan ketika bacaan doa. Guru juga boleh dikatakan kurang bersedia dengan penglibatan aktiviti di luar masa sekolah dan tidak dapat melibatkan diri dengan program yang diadakan. Oleh yang demikian, walaupun perancangan sekolah sangat baik,

namun pelaksanaan masih belum boleh dibanggakan dengan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh guru.

## **Perbincangan**

Kesimpulannya kesepaduan sosial dalam pengajaran sejarah sangat penting untuk diterapkan dalam kalangan pelajar. Kepentingan kesepaduan sosial ini dalam pengajaran sejarah boleh diterapkan melalui elemen merentas kurikulum dan Dokumen standard kurikulum Sejarah. Hasrat negara dalam mencapai kesepaduan sosial yang disalurkan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah dipuji dan disokong oleh semua warga pendidik dan juga masyarakat melalui sokongan yang jitu dan tidak berbelah bagi lagi. Guru terutamanya perlu bersedia dengan kepelbagai kaum dan etnik dalam kalangan pelajar perlu mempelajari dan memahami kebudayaan dan sensitiviti kaum agar dapat mencapai keharmonian dalam kalangan bukan sahaja pelajar, tetapi semua kakitangan di sekolah dan warga pendidikan. Sikap dan hasrat haruslah di selaraskan bersama agar mencapai objektif yang diinginkan.

Hakikatnya kesediaan guru Sejarah terhadap kesepaduan sosial boleh dilihat melalui persediaan rancangan pengajaran yang dipelbagaikan bagi mencapai objektif pengajaran mata pelajaran Sejarah itu sendiri. Misalnya melalui kefahaman guru terhadap kehendak mata pelajaran dan kehendak kerajaan amnya. Mata pelajaran Sejarah sendiri menekankan semangat patriotisme dan unsur-unsur kesepaduan sosial dalam DSKP .

Namun begitu, terdapat juga guru sejarah yang belum bersedia dalam menerapkan kesepaduan sosial dalam mata pelajaran Sejarah dengan menanggap bahawa kesepaduan sosial sesuatu yang tidak perlu ditekankan dan diambil remeh. Malah ada guru yang tidak terfikir untuk menekankan kesepaduan sosial dalam pengajaran. Hal ini menjadikan kesepaduan sosial tidak dapat diterapkan dalam jiwa pelajar dan membentuk pelajar yang memahami kesepaduan sosial seterusnya melaksanakannya dalam masyarakat.

Sementara kesediaan guru yang boleh dilihat samada bersedia dan kurang bersedia, sokongan ibu bapa dilihat sentiasa tidak menghamparkan dengan pelbagai aktiviti. Misalnya aktiviti perayaan, kebudayaan, dan juga gotong-royong. Namun apabila diteliti, penglibatan ini boleh dikatakan bermusim dan tidak berlaku secara rapat.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, kesediaan guru dan sokongan sekolah sedikit sebanyak sebenarnya telah membantu membabitkan kesepaduan sosial di sekolah. Namun begitu, kajian mendalam tentang kesepaduan sosial diperlukan bagi meningkatkan lagi kesedaran dan kepentingannya dalam Mata Pelajaran sejarah dan kesedaran sosial masyarakat.

## **Rujukan**

- Kassim Thukiman dan Zaliza Mohd. Nasir. 2008. “Aspek Pendidikan Dalam Hubungan Etnik”. Dlm. Kassim Thukiman dan Hamidah Abdul Rahman: Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif teori dan Praktik. Universiti Teknologi Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2014. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*, Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sejarah. 2016. Bahagian Pembangunan Kokurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016.
- Mackinnon, D. W. 1962. *The nature and nurture of creative talent*. *American Psychologist*, 17(7), Hlm. 484-495.
- Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. 2011. *Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional*, Jurnal SOSIOHUMANIKA, 4(1), Hlm. 33-48.
- Muslim, Nazri & Alias, Jamsari. 2004. “*Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi. (Tidak diterbitkan).
- Noresah Baharom. 2005. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. Modul Hubungan Etnik, Institut Kajian Etnik: Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- UNESCO, *Education: Cultural Diversity*, Diakses Daripada <http://ems01.unesco.org/en.esd/themes/cultural-diversity> (16.11.2018) . 2010.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. 1988. *Ke arah pelaksanaan nilai-nilai murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nilai-nilai Murnii Merentas Kurikulum Dalam KBSM di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Yin, R. K..1994. *Case Study Research: Design and Methods*, Newbury Park California: Sage Publication.